

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 18.10.2016

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab mengapa tidak diluluskan permohonan membina sebuah Sekolah Menengah Tamil di Pulau Pinang memandangkan wujudnya sekolah antarabangsa di Malaysia dan apakah jaminan Kerajaan untuk memberi kelulusan membina sebuah Sekolah Menengah Tamil mengikut slogan 1Malaysia PM Najib Razak. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan sekolah menengah baharu, seksyen 30 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] hanya memperuntukkan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sahaja bagi menampung keperluan pendidikan semua kaum di negara ini. Oleh itu, penubuhan Sekolah Menengah Tamil seperti yang dimohon tidak diperuntukkan oleh akta sedia ada.

RJM05